

HARI MINGGU BIASA KE-12 TAHUN A

Yeremia 20:10-13; Mazmur 68:8-10. 14. 17. 33-35. R/ v. 14; Roma 5:12-15
Matius 10:26-33

Tema: MEWARTAKAN KHABAR GEMBIRA WALAUPUN BERHADAPAN DENGAN PENGANIAYAAN DAN KEMATIAN

1. Hari ini adalah Minggu Biasa ke 12, Tahun A. Bacaan-bacaan hari ini memberitahu kita mewartakan khabar gembira walaupun menghadapi penganiayaan dan kematian, dan yang lebih penting lagi, bacaan hari ini memberitahu kita Tuhan akan membebaskan dan menyelamatkan kita, dan melalui kita Tuhan akan membebaskan serta menyelamatkan seluruh dunia.

Injil hari ini memberitahu kita mewartakan khabar gembira walaupun menghadapi penganiayaan dan kematian dan Tuhan akan membebaskan dan menyelamatkan kita. Sebab itu kita membaca dalam Injil: beritakanlah itu dari atas atap rumah.

Jangan takut mereka yang membunuh tubuh; takutlah kepada mereka yang dapat memusnahkan kedua tubuh dan jiwa dalam neraka. Bukankah burung pipit di jual dua ekor seduit, namun Bapamu telah menjaganya. Apakah lagi kamu lebih berharga dari burung pipit. Bahkan setiap rambutmu pun telah terhitung semuanya oleh Bapa di surga.

Setiap orang yang mengakui Aku di depan manusia, Aku juga akan mengakuinya di depan BapaKu di surga. Tetapi barangsiapa menyangkal Aku di depan manusia, Aku juga akan menyangkalnya di depan BapaKu di surga. Pendeknya, wartakanlah khabar gembira walaupun berhadapan dengan penganiayaan dan kematian.

2. Bacaan pertama menyusuli tema Injil. Bacaan pertama juga memberitahu kita untuk mewartakan khabar gembira itu apabila menghadapi penganiayaan dan kematian dan yang lebih penting lagi, bacaan pertama memberitahu kita juga Tuhan akan membebaskan dan menyelamatkan kita.

Bacaan pertama memberitahu kita bahawa nabi Yeremia telah di aniaya kerana mewartakan firman Tuhan. Tetapi yang pentingnya, bacaan pertama memberitahu kita Tuhan akan membebaskan dan menyelamatkan Yeremia. Sebab itu kita membaca dalam bacaan pertama:

“Menyanyilah untuk Tuhan, pujilah Tuhan! Sebab Ia telah melepaskan nyawa orang miskin dari tangan orang yang berbuat jahat.” (Yer 20:13)

3. Mazmur Antarbacaan mengikuti tema bacaan pertama. Mazmur antar bacaan memberitahu kita untuk berdoa apabila menghadapi penganiayaan dan kematian dan yang penting sekali, mazmur antar bacaan memberitahu kita Tuhan akan menjawab doa-doa kita.

Mazmur antarbacaan mempunyai tiga stansa. Stansa pertama memberitahu kita penulis sedang di aniaya kerana melayani Tuhan (Mzm 69:8-10). Yang penting lagi, stansa kedua memberitahu kita penulis berdoa kepada Allah memohon bantuan. (Mzm 68:14-17). Dan di stansa ketiga ia memberitahu kita Tuhan akan menjawab doa si penulis dan membebaskan dan menyelamatkannya. (mzm 68:33-35)

Dengan itu stansa ketiga mazmur antar bacaan: “Sebab Allah mendengarkan kaum miskin, Tuhan tidak memandang hina orang yang berpaut padaNya. Biarlah langit dan bumi memuji Dia, lautan dan segala yang bergerak di dalamnya.” (Mzm 68:33-35)

Dan inilah sahutan kepada Mazmur Antar bacaan : “Demi kasih-Mu yang besar, jawablah aku.” (Mzm 68:14)

4. Yesus Kristusewartakan khabar gembira dalam menghadapi penganiayaan dan kematian, tetapi Bapa membebaskan dan menyelamatkan Dia, dan melalui Dia, Bapa membebaskan dan menyelamatkan seluruh dunia.

Bacaan kedua memberitahu kita mengenai “pembebasan (seluruh dunia) dari dosa dan kematian.” (NJB) Dosa telah masuk ke dunia melalui satu orang, Adam, dan melalui dosa adanya kematian. Pentingnya, rahmat telah masuk ke dunia melalui satu orang, Yesus Kristus, dan melalui rahmat memperoleh kehidupan. Lebih penting, rahmat Yesus Kristus lebih besar dan telah mengatasi dosa Adam, lebih lagi disebabkan kehidupan rahmat lebih baik daripada kehidupan sebelum dosa.

Dengan itu kita memadahkan Pengantar Injil Paska (Exsultet) pada malam menjelang Paska: “Memang dosa Adam diperlukan agar dapat dilebur dengan wafat Kristus. Sungguh menguntungkanlah dosa kerana mendatangkan Penebusan yang seagung dan semulia itu.”

5. Dalam Ekaristi hari ini, kita merayakan kematian dan kebangkitan Yesus Kristus, dan kita memakan tubuhNya dan meminum darahNya, dan Tuhan yang bangkit akan memberi kita Roh Kudus, dan mengutus kita keluar untukewartakan khabar gembira walaupun menghadapi penganiayaan dan kematian, dan Tuhan akan membebas dan menyelamatkan kita, dan melalui kita, Tuhan akan membebas dan menyelamatkan seluruh dunia. Inilah khabar gembira Tuhan.

Amen!

Cadangan Soalan Untuk Renungan Individu Dan Perkongsian Dalam Keluarga, Kumpulan-kumpulan Kecil Dan Komuniti-Komuniti Kecil.

1. Adakah kamuewartakan khabar gembira/ adakah kamuewartakan khabar gembira walaupun berhadapan dengan penganiayaan dan kematian? Percayakah kamu bahawa Tuhan akan membebas dan menyelamatkan kamu? Percayakah kamu bahawa melalui kamu Tuhan akan membebas dan menyelamatkan dunia?

2. Apakah yang dikatakan kepada kamu dari petikan Pengantar Injil : “Ia akan bersaksi untuk Aku; kamu juga harus bersaksi untuk Aku?” (Yoh 15:26, 27)

3. Apakah yang dikatakan kepada kamu dari petikan Injil ini: “Apa yang Kukatakan kepadamu dalam gelap, katakanlah itu dalam terang; dan apa yang dibidikan ke telingamu, beritakanlah itu dari atas atap rumah. Dan janganlah kamu takut kepada mereka yang membunuh tubuh, tetapi yang tidak berkuasa membunuh jiwa; takutlah terutama kepada Dia yang berkuasa membinasakan baik jiwa maupun tubuh di dalam neraka. Bukankah burung pipit di jual dua ekor seduit? Namun seekor pun daripadanya tidak akan jatuh ke bumi di luar kehendak Bapamu. Dan kamu, rambut kepalamu pun terhitung semuanya. Sebab itu janganlah kamu takut, kerana kamu lebih berharga aripada banyak burung pipit.”? (Mt 10:27-31)

4. Apakah yang dikatakan kepada kamu dari petikan bacaan pertama: “Menyanyilah untuk Tuhan, pujilah Tuhan! Sebab Ia telah melepaskan nyawa orang miskin dari tangan orang yang berbuat jahat”? (Yer 20:13)

5. Apakah yang dikatakan kepada kamu dari petikan Mazmur Antar bacaan: “Sebab Allah mendengarkan kaum miskin, Tuhan tidak memandang hina orang yang berpaut padaNya. Biarlah langit dan bumi memuji Dia, lautan dan segala yang bergerak di dalamnya.” (Mzm 68:33-35)

6. Apakah yang dikatakan kepada kamu dari petikan bacaan kedua ini: “Dosa telah masuk ke dalam dunia oleh satu orang, dan oleh dosa itu juga maut, demikianlah maut itu telah menjangar kepada semua orang, karena semua orang telah berbuat dosa. Seperti yang telah di buat oleh Adam, yang adalah gambaran Dia yang akan datang. Sebab, jika karena pelanggaran satu orang semua orang telah jatuh di dalam maut, jauh lebih besar lagi kasih karunia Allah dan karuniaNya, yang dilimpahkan atas semua orang karena satu orang, iaitu Yesus Kristus.” (Rm 5:12.15)

7. Apakah yang dikatakan kepada kamu dari petikan Doa Persembahan : Allah Bapa maha pengasih, terimalah kiranya korban pepulih dan syukur ini. Semoga dayanya menunjang kami dalam mempersembahkan cinta hati kami kepada-Mu.”?

8. Bacaan dengan kuat kepada kumpulan ayat atau ayat yang menyentuh kamu dalam bacaan hari ini. “...”

9. Adakah kamu mempunyai pengalaman lain yang ingin kamu kongsi?

10. Adakah kamu mempunyai doa doa yang ingin kamu sampaikan sebagai sahutan kepada firman Allah?

Sources: The International Bible Commentary (IBC); The HarperCollins Study Bible (HCSB); The Catholic Study Bible (CSB); The New Jerusalem Bible (NJB); The New Jerome Biblical Commentary (NJBC); The Sunday Missal (SM)

Holy Trinity Church (HTC), Jalan Melati, Off Mile 1½, Jalan Kuhara, Tawau, Sabah, Malaysia.